



PELAN STRATEGIK
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI SELANGOR
2021–2025



**“VETERINAR KOMPETEN
MASYARAKAT SEJAHTERA”**

	MUKA SURAT
PERKARA	1
Kandungan	
Kata-kata Aluan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	2
BAB 1 - PENDAHULUAN	
1.1 Ringkasan Eksekutif Pengenalan	4
1.2 Latarbelakang DVS Selangor	5
1.3 Carta Organisasi	6
1.4 Fungsi Dan Peranan DVS Selangor	7
1.5 Punca Kuasa	8
1.6 Stake Holder dan Pelanggan DVS Selangor	9
BAB 2 - SENARIO PERSEKITARAN	
2.1 Isu-isu /Cabaran Strategik berdasarkan Analisa Persekitaran	11
BAB 3 - HALA TUJU STRATEGIK	
3.1 Visi	13
3.2 Misi	13
3.3 Motto / Slogan	13
3.4 Nilai-nilai Bersama	14
3.5 Objektif Strategik	15
3.6 Pelan Tindakan	16-33
*Strategi-strategi	
* Program	
*Indikator	
*Sasaran dan Tahun Sasaran	
3.7 Elemen Penentu Kejayaan Strategik	34-35
3.8 Mekanisma Pelaksanaan	36
3.9 <i>The Way Forward</i>	37
BAB 4- PENUTUP	40

Kata-kata Aluan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor



Memastikan hasil haiwan seperti daging, susu dan telur yang selamat untuk makanan rakyat negeri Selangor merupakan agenda utama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri (DVS) Selangor. Jabatan ini sentiasa

berusaha memenuhi harapan dan kehendak rakyat serta pelanggan bagi memperolehi perkhidmatan terbaik yang disediakan oleh Jabatan. Perkhidmatan yang cepat, efisien, berintegriti dan mesra rakyat amat dititikberatkan bagi memastikan prestasi DVS Selangor memenuhi tuntutan dan harapan stakeholder. Justeru itu, pembentukan modal insan yang berkualiti, berintegriti dan jati diri yang cemerlang harus diamalkan bagi membawa perkhidmatan veterinar kelas pertama.

DVS Selangor perlu bertindak secara strategik untuk mencapai kecemerlangan. Pelan Strategik ini menyediakan rangka dasar, hala tuju dan fokus DVS Selangor bagi melaksanakan agenda pembangunan industri penternakan bagi tempoh 2021 hingga 2025. Pelan Strategik ini akan dikaji semula dari masa ke semasa sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan stakeholder serta pelanggan.

DR. HASSUZANA BINTI KHALIL

Januari 2021

BAB 1 - PENDAHULUAN



**“VETERINAR KOMPETEN
MASYARAKAT SEJAHTERA”**

Bab 1 - Pendahuluan

1.1) Ringkasan Eksekutif Pengenalan

Pelan strategik ini merupakan dokumen garis panduan halatuju jabatan dalam masa 5 tahun bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga merupakan salah satu daripada usaha DVS Selangor dalam mencipta dan membentuk hala tuju, budaya kerja dan identitinya yang tersendiri.

Sasaran Pelan strategik ini ialah untuk menjadikan DVS Selangor sebagai jabatan yang mengutamakan perkhidmatan veterinar yang berkualiti bagi menjamin kepentingan kesihatan awam dan industri haiwan yang mapan menjelang tahun 2025.

Bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan, 5 objektif strategik telah dikenalpasti iaitu :

- 1) Menjana perkembangan industri penternakan yang berdaya saing dan mapan**
- 2) Memperkasakan kesihatan veterinar bagi menjamin pengeluaran haiwan dan hasil haiwan yang bermutu dan selamat digunakan**
- 3) Meningkatkan kapasiti organisasi bagi mengembleng usaha kearah permodenan industri haiwan**
- 4) Membudayakan amalan kebajikan haiwan dalam semua aspek pemeliharaan dan sistem pengeluaran haiwan.**
- 5) Memperkukuhkan kolaborasi pelbagai hala untuk mencapai objektif jabatan**

Kejayaan pelaksanaan objektif strategik ini perlu didokong melalui penerapan dan pengamalan 5 nilai-nilai bersama oleh seluruh warga kerja DVS Selangor iaitu integriti, holistik, optimis, rasional dan profesional.

Pelan tindakan dikenalpasti bagi menyokong pencapaian objektif yang merangkumi strategi-strategi dan sasaran bagi memantapkan perkhidmatan teras DVS Selangor serta meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan veterinar kepada pelanggan.

Menjadi hasrat Jabatan untuk mewujudkan persekitaran veterinar yang terbaik melalui perkhidmatan veterinar yang berkualiti, telus dan cekap melalui pengembelian tenaga dan sumber secara efisien kepada pelanggan jabatan.

Bab 1 - Pendahuluan

1.2) Latarbelakang DVS Selangor

Dalam era tahun 50an, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor terletak di sebuah bangunan lama di Jalan Tangsi, Kuala Lumpur (berhadapan Bank Rakyat sekarang ini). Manakala dalam tahun 60an pula, Jabatan ini dipindahkan pula ke sebuah bangunan lain di Jalan Spooner, berhadapan dengan Panggung Anniversari, Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur. [Sekarang menjadi pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur].

Pada tahun 1971, Jabatan ini telah berpindah bagi kali ke-tiga ke sebuah kompleks sendiri yang terletak di Seksyen 52, Petaling Jaya. Selain dari Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor, kompleks ini juga menempatkan Makmal Diagnosa Veterinar Kawasan yang ditadbir oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia.

Untuk memenuhi hasrat Kerajaan Negeri yang mahukan semua Ibu Pejabat Jabatan Kerajaan Negeri dipusatkan di Ibu Negeri Selangor, iaitu di Bandaraya Shah Alam, maka pada bulan Oktober tahun 1993 Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor telah berpindah ke bangunan barunya yang terletak di Lot 2 Jalan Utas 15/7, Seksyen 15, 40630 Shah Alam. Melalui Penjenamaan semula Jabatan ini kemudiannya diikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor atau ringkasnya DVS Selangor




Kompleks DVS Selangor dan Makmal Diagnosa Veterinar Petaling Jaya dari tahun 1971-1993.



Kompleks DVS Selangor di Lot 2, Jalan Utas 15/7 Shah Alam dari tahun 1993 hingga sekarang

Bab 1 - Pendahuluan

1.3) Carta Organisasi



1.4) Fungsi dan Peranan DVS Selangor

Fungsi

Menyediakan perkhidmatan veterinar yang professional, berkualiti dan efisien dalam aktiviti berikut :

- Mengawal dan mencegah penyakit haiwan dan zoonotik,
- Mengawal selia aktiviti peternakan haiwan
- Memperkasakan industri haiwan kearah peningkatan pengeluaran makanan bagi memenuhi keperluan saradiri dan eksport
- Menjaga kesejahteraan dan kebajikan haiwan

Peranan

- Menjana perkembangan industri penternakan yang berdaya saing dan mampan
- Memperkasa kesihatan veterinar bagi menjamin pengeluaran haiwan dan hasil haiwan yang bermutu dan selamat digunakan
- Meningkatkan kapasiti organisasi bagi mengembleng usaha ke arah permodenan industri haiwan
- Membudayakan amalan kebajikan haiwan dalam semua aspek pemeliharaan dan sistem pengeluaran haiwan
- Memperkukuh kolaborasi pelbagai hala untuk mencapai objektif jabatan

Bab 1 – Pendahuluan

1.5) Punca Kuasa

Dalam melaksanakan fungsi dan peranannya dengan berkesan, DVS Selangor diberi kuasa berlandaskan undang-undang dan peraturan berikut :

- **Jabatan Perkhidmatan Veterinar termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Ke-9, Senarai Perundangan Perkara 74 & 77 dan tertakluk dibawah Para 4, Senarai 3, sebagai Senarai Bersama (Concurrent List)**
 - **Akta Binatang 1953 (Pindaan 2006)**
 - **Kanun Tanah Negara (Akta 56/65)**
 - **Akta Prosedur Kewangan, 1957**
 - **Akta Doktor Veterinar, 1974**
 - **Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698)**
 - **Akta Kebajikan Haiwan, 2015**
 - **Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor), 2008**
 - **Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772)**
 - **Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993**
 - **Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985**
 - **Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007**
 - **Peraturan-Peraturan Perladangan Unggas (Negeri Selangor). 2008**
 - **Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991**
 - **Kaedah-Kaedah Perlesenan Ladang Babi (Negeri Selangor), 2012**
 - **Enakmen Pengawalan Lembu Kerbau 1971**
 - **Waran Perjawatan yang masih berkuatkuasa**
 - **Perintah Am**
 - **Pekeliling Perkhidmatan & Perbendaharaan yang berkuatkuasa**

Bab 1 - Pendahuluan

1.6) Stake Holder dan Pelanggan Jabatan

STAKE HOLDER :

- **Y.B Menteri Pertanian & Industri Makanan**
- **YAB Dato' Menteri Besar Selangor**
- **Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tetap Permodenan Pertanian Negeri Selangor**
- **Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**
- **Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Makanan**
- **Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia**
- **Agensi-agensi Kerajaan Yang Lain**
- **Kakitangan DVS**

PELANGGAN :

- **Penternak**
- **Pengusaha Industri Asas Ternak**
- **Pedagang Ternakan**
- **Pemilik Haiwan Peliharaan**
- **Badan Bukan Kerajaan (NGO)**
- **Syarikat-syarikat Swasta Yang Berkaitan**
- **Kontraktor-kontraktor**
- **Para Penyelidik Industri Haiwan**
- **Orang-orang Awam**

BAB 2 - SENARIO PERSEKITARAN



**“VETERINAR KOMPETEN
MASYARAKAT SEJAHTERA”**

Bab 2 - Senario Persekitaran

2.1) Isu-isu Cabaran Strategik Berdasarkan Analisa Persekitaran

Isu–Isu Strategik DVS Selangor dikenalpasti menggunakan pendekatan 7S *McKinsey* yang merangkumi Elemen - elemen dan Nilai - nilai bersama, Strategi, Struktur, Sistem, Warga, Gaya dan Kemahiran serta Pendekatan PESTELL yang merangkumi aspek politik, ekonomi, sosial, teknologi, persekitaran dan perundangan. Berdasarkan analisis tersebut isu-isu startegi DVS Selangor telah dibangunkan dan digariskan seperti berikut :

- 1. Keperluan untuk mempertingkatkan daya saing dan kemapanan industri haiwan**
- 2. Keperluan ke arah pemantapan strategi pematuhan kesihatan veterinar**
- 3. Keperluan ke arah meningkatkan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi mengembleng usaha ke arah pemodenan industri haiwan**
- 4. Keperluan ke arah meningkatkan kesedaran amalan kebajikan haiwan**
- 5. Keperluan ke arah memperkukuhkan kolaborasi pelbagai hala bagi mempertingkatkan pencapaian jabatan.**

BAB 3 - HALA TUJU STRATEGIK



**“VETERINAR KOMPETEN
MASYARAKAT SEJAHTERA”**

3.1) VISI

Peneraju Industri haiwan yang profesional demi kesejahteraan negara menjelang 2025



3.2) MISI

Menyediakan perkhidmatan veterinar yang profesional dan strategik bagi menjamin industri haiwan yang mapan demi kepentingan kesihatan awam



3.3) MOTTO / SLOGAN

“Veterinar Kompeten Masyarakat Sejahtera”

Bab 3 – Hala Tuju Strategik

3.4) NILAI-NILAI BERSAMA

1) INTEGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa yang diberikan dengan jujur dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh.

2) PROFESIONAL

Bertanggungjawab dalam mengambil sebarang tindakan dengan penuh kebijaksanaan dan berdedikasi.

3) HOLISTIK

Pemikiran dan tindakan dibuat secara bersepadu yang memberi makna kepada pembaharuan dan pembangunan industri secara jangkapanjang.

4) OPTIMIS

Sentiasa bersangkabaik dan berharapan tinggi demi menentukan arah tuju dan fokus kepada usaha-usaha penambahbaikan.

5) RASIONAL

Bersifat terbuka dalam membincangkan pro dan kontra sesuatu isu serta permasalahan. Pertimbangan yang wajar semasa menetapkan sasaran sesuatu tindakan.

Bab 3 – Hala Tuju Strategik

3.5) OBJEKTIF STRATEGIK

- **MENJANA PERKEMBANGAN INDUSTRI PETERNAKAN YANG BERDAYA SAING DAN MAPAN**
- **MENJAMIN KESIHATAN TERNAKAN MELALUI PROGRAM KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN KEPADA PENGELUARAN HASIL TERNAKAN YANG SELAMAT DAN BERMUTU**
- **MEMPERKASA KESIHATAN AWAM MELALUI KAWALAN PENYAKIT ZONOTIK DAN PENGHASILAN MAKANAN BERASASKAN HAIWAN YANG BERSIH DAN SELAMAT**
- **MENGGALAKAN PENTERNAKAN MAMPAN DAN INDUSTRI TAMBAH NILAI**
- **MENEROKA MEMBANGUN DAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN SUMBER SECARA OPTIMUM DALAM INDUSTRI BERASASKAN HAIWAN**
- **MENERAPKAN PEMATUHAN AMALAN PERLADANGAN BAIK DAN KEBAJIKAN HAIWAN**

Bab 3 – Hala Tuju Strategik

TERAS

1

3.6) PELAN TINDAKAN

1. MENJANA PERKEMBANGAN INDUSTRI PETERNAKAN YANG BERDAYA SAING DAN MAPAN

Usaha yang padu dan berterusan hendaklah dipergiatkan bagi memastikan kehendak dan keperluan industri peternakan dipenuhi dan dilaksanakan. Sehubungan itu, pembangunan yang seimbang dan kondusif harus terus dirancang bagi merealisasikan industri peternakan yang lestari, berdaya saing dan mapan.

STRATEGI

- Program Pemodenan Peternakan Ruminan Selangor
- Program Pemakanan Ruminan Selangor
- Program Transformasi Peternakan Unggas / Bukan Ruminan
- Program Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Ternakan
- Program Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) / Agrotek
- Pusat Latihan Teknikal Veterinar (PLTV) Sg. Nilam, Hulu Selangor

**Pelan
TINDAKAN**

**MENJANA PERKEMBANGAN INDUSTRI PETERNAKAN
YANG BERDAYA SAING DAN MAPAN**

**TERAS
1**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)
Program Pemodenan Peternakan Ruminan Selangor	Skim Pengganda Ternakan Ruminan Selangor (SPERS)	Jumlah Peserta	1
	Skim Breedlot	Jumlah Peserta	15
	Program Merakyatkan Ekonomi Penternak Ruminan Selangor (MES)	Jumlah Peserta	90
	Skim Galakan Warisan Ternak (Warisan)	Jumlah Peserta	4
	Program Komuniti DIY	Jumlah Komuniti	10
	Pembangunan Lembu Sado SMART Selangor	Jumlah Peserta	5
	Program Pembangunan Plot Translokasi Ternakan	Jumlah Plot	0
		Jumlah	125

**Pelan
TINDAKAN**

**MENJANA PERKEMBANGAN INDUSTRI PETERNAKAN
YANG BERDAYA SAING DAN MAPAN**

**TERAS
1**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)
Program Pemakanan Ruminan Selangor	Program Pemakanan Ruminan	Peserta	45
	Inovasi Pemakanan Ruminan	Bil. Inovasi	1
Program Tranformasi Peternakan Unggas / Bukan Ruminan	Kawalan Pencemaran Ladang Unggas	Peserta	0
	Biosekuriti Ladang/ Sistem Automasi Reban Unggas	Peserta	9
		Jumlah	55

**Pelan
TINDAKAN**

**MENJANA PERKEMBANGAN INDUSTRI PETERNAKAN
YANG BERDAYA SAING DAN MAPAN**

**TERAS
1**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)
Program Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Ternakan	Program Peningkatan Pengeluaran Produk IATn	Peserta	20
	Kawalan Kualiti Produk (Ujian Nutrisi, Jangka Hayat Dan Mikrobiologi)	Sampel	250
	Program Komoditi Usahawan IATn	Program	5
	Naiktaraf Mesin Makmal/ Inkubator / Bengkel IATn	Buah	2
	Pembangunan Bengkel IATn Daerah	Buah	0
	Inovasi Produk IATn Baharu	Produk	1
		Jumlah	278

- Pembangunan sebuah (1) Bengkel IATn Daerah di Ulu Bernam, Hulu Selangor tidak dapat dijalankan kerana peruntukan pembangunan yang diluluskan RM 400K berbanding dengan anggaran dari pihak JKR Selangor sebanyak RM 900K

**Pelan
TINDAKAN**

**MENJANA PERKEMBANGAN INDUSTRI PETERNAKAN
YANG BERDAYA SAING DAN MAPAN**

**TERAS
1**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)	
Program pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) / Agrotek	Pembangunan TKPM Baharu	Bilangan TKPM	0	
	Pembangunan TKPM/ Agrotek sedia ada	Bilangan TKPM/ Agrotek	12	
	Pembangunan Reban Ayam baharu	Bilangan Reban	0	
	Baikpulih Reban Ayam Sedia ada	Bilangan Reban	6	
	Pembangunan Tanaman Fodder di TKPM	Keluasan Di Tanam (Ekar)		45
		Jumlah		63

- Pembangunan empat (4) buah reban ayam sistem tertutup yang baharu dan berteknologi di TKPM Sungai Nilam tidak dapat dijalankan kerana peruntukan pembangunan yang diluluskan RM 6.2 juta tidak selaras dengan anggaran oleh JKR Selangor sebanyak RM 30juta. Oleh itu, Jabatan berpendapat pengusaha boleh memohon pajakan tanah TKPM ini dan membangunkan reban ayam dengan kos sendiri.

**Pelan
TINDAKAN**

**MENJANA PERKEMBANGAN INDUSTRI PETERNAKAN
YANG BERDAYA SAING DAN MAPAN**

**TERAS
1**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)
Pusat Latihan Teknikal Veterinar (PLTV) Sg. Nilam, Hulu Selangor	Baikpulih Kandang Ternakan	Buah	1
	Baikpulih Bengkel EM & Silaj	Buah	0
	Baikpulih Fodder	Hektar	11
	Penggantian Ternakan Latihan	Ekor	4
Pembangunan Agropelancongan	Menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan Cadangan Pembangunan Agropelancongan Di PLTV Sg. Nilam, Hulu Selangor	Kajian	0
		Jumlah	16

Bab 3 - Hala Tuju Strategik

TERAS 2

3.6 PELAN TINDAKAN

2. MENJAMIN KESIHATAN TERNAKAN MELALUI PROGRAM KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN KEPADA PENGELUARAN HASIL TERNAKAN YANG SELAMAT DAN BERMUTU

Ladang-ladang ternakan kearah status bebas penyakit melalui program kesihatan veterinar merupakan pendorong kepada pengeluaran hasil ternakan yang sihat dan selamat untuk dimakan. Justeru itu, usaha berterusan jabatan dengan kerjasama penternak untuk mengawalselia kesihatan ternakan di ladang bagi mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada akan terus diperkasakan bagi memastikan pengeluaran hasil ternakan sihat dan selamat untuk dimakan.

STRATEGI

- Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan
- Program Kawalan Dan Pengurusan Penyakit Haiwan
- Kempen Kesedaran Awam Penyakit Haiwan Dan Zoonotik
- Memperkasa Klinik Veterinar
- Pemantauan Bahan Biologik & Drug
- Kawalan Pemindahan Haiwan Dan Produk Haiwan
- Ladang Bebas Penyakit

Pelan
TINDAKAN

MENJAMIN KESIHATAN TERNAKAN MELALUI PROGRAM KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN KEPADA PENGELUARAN HASIL TERNAKAN YANG SELAMAT DAN BERMUTU

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN (2021-2025)
Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan	Program Survelan Penyakit Ruminan	Sampel	1,000 Sampel Setahun
	Program Survelan Penyakit Babi	Sampel	928 Sampel Setahun
	Program Survelan Penyakit Unggas	Sampel	1,815 Sampel Setahun
	Program Survelan Penyakit Kuda	Premis	9 Premis Setahun
	Program Survelan Penyakit Anjing	Sampel	59 Sampel Setahun
Kempen Kesedaran Awam	Kempen Kesedaran Awam Terhadap Kesan Dan Risiko Penyakit Zoonotik	Bil. Kempen	5 Kempen Kesedaran Setahun
		Jumlah	3,816

Pelan
TINDAKAN

MENJAMIN KESIHATAN TERNAKAN MELALUI PROGRAM KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN KEPADA PENGELUARAN HASIL TERNAKAN YANG SELAMAT DAN BERMUTU

**TERAS
2**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN (2021-2025)
Program Kawalan Dan Pengurusan Penyakit Haiwan	Program Penvaksinan Ternakan	Ekor	18,000 Setahun
	Program Pulih Gerompok Positif	Bil. Ladang	60 Ladang Setahun
	Program Bebas Gerompok Negatif	Bil. Ladang	200 Ladang Setahun
	Program Pengekalan Ladang Bebas	Bil. Ladang	50 Ladang Setahun
	Rawatan Klinik Veterinar Di PVD	Bil Rawatan	8,000 Setahun
	Rawatan Ambulatori Oleh PVD	Bil Rawatan	2,000 Setahun
Pemantauan Biologi & Drug	Pemantauan Drug Veterinar Dan Bahan Biologik Di Premis (Ladang Ternakan, Klinik Swasta, Petshop, Gedung Ubat/ Makanan Haiwan)	Premis	120 Premis Setahun
Memperkasa Perkhidmatan Klinik Veterinar	Naiktaraf / Baikpulih Klinik Veterinar PPVD	Buah	5
		Jumlah	28,435

Pelan
TINDAKAN

MENJAMIN KESIHATAN TERNAKAN MELALUI PROGRAM KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN KEPADA PENGELUARAN HASIL TERNAKAN YANG SELAMAT DAN BERMUTU

**TERAS
2**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN (2021-2025)
Kawalan Pemindahan Haiwan Dan Produk Haiwan	Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan Dan Produk Haiwan Antara Negeri (epermit2)	Bil. AKPM/ AKPK	9,000 AKPM Setahun 2,000 AKPK Setahun
	Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan Dan Produk Haiwan Antarabangsa (epermit1)	Bil SKV	20,000 SKV Setahun
	Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan Dalam Negeri Selangor (VETSEL)	Bil. Permit/ SKV	5,000 Setahun
Ladang Bebas Penyakit	Program Ladang Bebas Penyakit	Bil. Ladang	18 Ladang Setahun
		Jumlah	36,018

Bab 3 - Hala Tuju Strategik

TERAS 3

3.6 PELAN TINDAKAN

3. MENINGKATKAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN ORGANISASI BAGI MENGEMBLENG USAHA KE ARAH PEMODENAN INDUSTRI HAIWAN

Kejayaan sesebuah organisasi sangat bergantung kepada keupayaan dan kapasiti yang dimilikinya. Jabatan perlu membuat perancangan awal dan bertindak secara pro aktif bagi memastikan keupayaan dan kapasitinya setara dengan beban kerja yang dihadapinya pada masa kini dan akan datang.

Perkhidmatan yang disediakan oleh sektor awam sentiasa dinilai oleh pihak-pihak yang berkepentingan samada mencapai prestasi yang dikehendaki dan mutu perkhidmatan cemerlang. Masyarakat kini lebih kompleks dan ekspektasi pelanggan sentiasa diluar jangkaan.

STRATEGI

- Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Veterinar
- Pembangunan Kompetensi Pegawai Dan Kakitangan
- Meningkatkan Usaha Membimbing Agropreneur

Pelan
TINDAKAN

**MENINGKATKAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN ORGANISASI
BAGI MENGEMBLENG USAHA KE ARAH PEMODENAN
INDUSTRI HAIWAN**

**TERAS
3**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)
Pemantapan kualiti Perkhidmatan Veterinar	Baikpulih Bilik Gerakan 1/ Bilik Gerakan 2 / Bilik Mesyuarat BPIT	Buah	3
	Baikpulih Kuarters Kakitangan Dan Utiliti	Buah	5
	Membina / Baikpulih Setor Kering Regulatori	Buah	2
	Baikpulih Utiliti Pejabat Veterinar Daerah	Buah	9
	Baikpulih Kantin Ibu Pejabat JPV Shah Alam	Buah	1
	Baikpulih Pakir Berbumbung JPV Shah Alam	Buah	1
	Naiktaraf Pusat Riadah JPV Shah Alam	Buah	1
	Naiktaraf Kaunter JPV Shah Alam	Buah	1
	Data Senter	Buah	1
	Naiktaraf Bilik Sever PVD	Buah	9
	Naiktaraf Modul VETSEL Sedia Ada	Buah	2
	Facebook Rasmi Jabatan	Bil. Dikemaskini	Setiap minggu
	Laman Web Rasmi Jabatan. Dikemaskini Mengikut Keperluan MDEC Dan MAMPU	Bil. Dikemaskini	Penarafan 4 bintang
		Jumlah	28

Pelan
TINDAKAN

**MENINGKATKAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN ORGANISASI
BAGI MENGEMBLENG USAHA KE ARAH PEMODENAN
INDUSTRI HAIWAN**

**TERAS
3**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)
Pembangunan Kompetensi Pegawai Dan Kakitangan	Kursus Pengurusan	Bil. Kursus	10
	Kursus Tatacara Kewangan	Bil. Kursus	10
	Kursus Teknikal	Bil. Kursus	25
	Bengkel SKT	Bilangan	5
	Bengkel Pelan Strategik	Bilangan	5
	Bengkel Perlaksanaan MS ISO	Bilangan	0
	Penyertaan Pertandingan Inovasi	Bilangan Penyertaan	5
	Konvensyen Program Pengembangan Veterinar (PPV)	Bilangan	2
	Jumlah		62

Pelan
TINDAKAN

**MENINGKATKAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN ORGANISASI
BAGI MENGEMBLENG USAHA KE ARAH PEMODENAN
INDUSTRI HAIWAN**

**TERAS
3**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)
Meningkatkan Usaha Membimbing Agropreneur	Latihan Kompetensi Agropreneur	Bilangan Latihan	50
	Pembangunan Komuniti Agropreneur	Program	10
	Majlis Dialog, Seminar Dan Perundingan	Program	10
	Pengiktarafan Kepada Agropreneur	Peserta	12
	Penyertaan Festival Pameran Di Agrofest/ MAHA/ MIHAS/ HPPNK	Peserta	12
	Bilangam Vetmart Beroperasi	Buah	0
	Promosi Jualan Vetmart	Promosi	0
	Jumlah		94

Bab 3 - Hala Tuju Strategik

3.6 PELAN TINDAKAN

4. MENERAPKAN PEMATUHAN AMALAN PERLADANGAN BAIK DAN KEBAJIKAN HAIWAN

Pematuhan amalan perladangan baik dan kebajikan haiwan merupakan aspek penting bagi memastikan ladang ternakan tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar, tidak berlaku pengabaian kebajikan dan kezaliman haiwan serta menjamin pengeluaran produk hasil haiwan yang selamat dimakan. Justeru itu, aktiviti pemantauan, penguatkuasaan dan kempen kesedaran perlu dilaksanakan secara berterusan.

STRATEGI

- Pembinaan Loji Penyembelihan Ayam Kerajaan Negeri Selangor Yang Bertaraf *Veterinary Health Mark* (VHM).
- Pengurusan Aduan Dan Penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015
- Membudayakan Aktiviti Penternakan Secara Mesra Alam
- Perlesenan Ladang Ternakan
- Membudayakan Konsep Amalan Perladangan Baik (*Good Animal Husbandry Practices*)

Pelan
TINDAKAN

**MENERAPKAN PEMATUHAN AMALAN PERLADANGAN
BAIK DAN KEBAJIKAN HAIWAN**

**TERAS
4**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)
Pembangunan Loji Penyembelihan	Pembinaan Loji Penyembelihan Ayam Di Kg Sekendi Sabak Bernam	Buah	1
Program Penternakan Mesra Alam	Pemantau Efluan Ladang Babi BOD<50 Ppm	Ladang	118
Kebajikan Haiwan	Pengurusan Aduan Kezaliman Dan Kebajikan Haiwan	Bilangan Kes Diterima Dan Disiasat	1500
	Kempen Pemilikan Haiwan Bertanggungjawab	Bilangan	10
Perlesenan Ladang Ternakan	Perlesenan Ladang Unggas	Bil. Ladang	435
	Perlesenan Ladang Babi	Bil. Ladang	118
Program Pementoran Ladang myGAP	Program Ke Arah Persijilan myGAP	Bil. Ladang	10
	Khidmat Nasihat Ke Arah myGAP	Bil. Ladang	20
	Jumlah		2,212

- Pembangunan Loji Penyembelihan Ayam di Kampung Sekendi , Sabak Bernam tidak dapat diteruskan kerana isu lokasi berada di zon penempatan dan bukan di zon industri, jarak loji dari perumahan terlalu dekat iaitu hanya 40 meter , dan warta tanah yang tidak bersesuaian dengan projek. Cadangan berkaitan projek ini tidak dapat memenuhi spesifikasi teknikal dan tidak mendapat kelulusan KM.

Bab 3 - Hala Tuju Strategik

TERAS 5

3.6 PELAN TINDAKAN

5. MEMPERKUKUHKAN KOLABORASI PELBAGAI HALA UNTUK MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN JABATAN

Dalam tekad untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan di peringkat jabatan, keperluan kepada mekanisma hubungan pelbagai hala antara agensi adalah sangat penting. Elemen ini menjadi salah satu tindakan menyeluruh yang melibatkan hubungan antara jabatan perkhidmatan veterinar dengan pelbagai agensi baik sektor awam mahupun swasta.

DVS Selangor perlu untuk mengoptimalkan hubungan pelbagai hala berdasarkan kapasiti sedia ada dan juga penjajaran pelbagai usaha dan inisiatif jabatan.

STRATEGI

- Memantapkan Jaringan Kerjasama Dengan Pihak-Pihak Berkepentingan
- Mempertingkatkan Hubungan Kerjasama Dengan Pelanggan / Stake Holder
- Perkongsian Sumber Dengan Pihak Berkepentingan

Pelan
TINDAKAN

**MEMPERKUKUHKAN KOLABORASI PELBAGAI HALA
UNTUK MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN
JABATAN**

**TERAS
5**

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN (2021-2025)
Memantapkan Jaringan Kerjasama Dengan Pihak-Pihak Berkepentingan	Program Penguatkuasaan Penternakan Dikawasan PBT (Operasi Bersepadu)	Program	5
	Program Kawalan Penyakit Di Kawasan PBT (Operasi Bersepadu)	Program	5
	Kempen Pemilikan Haiwan Bertanggungjawab (Kerjasama NGO, PBT)	Program	5
	Kempen Anti-Penyakit Haiwan Berbahaya	Program	5
Mempertingkatkan Hubungan Kerjasama Dengan Pelanggan / Stake Holder	Menghadiri Jemputan Mesyuarat/ Perbincangan Antara Agensi	Program	50
	Program Karnival Negeri Selangor Dan Persekutuan	Program	5
	Menyertai Pameran Anjuran Agensi	Program	12
Perkongsian Sumber Dengan Pihak Berkepentingan	Menyalurkan Maklumat Awam Melalui Laman Web, Facebook, Surat Edaran, Radio Dan Surat Khabar	Bil. Maklumat	30
	Mewujudkan Senarai Pegawai Sumber	Pegawai	75
	Menyertai Undangan Majlis Dialog/ Mesyuarat/ Perundingan Dengan Pihak Berkepentingan	Program	10
		Jumlah	

Bab 3 - Halatuju Strategik

3.7 ELEMEN PENENTU KEJAYAAN STRATEGIK

1) KAPASITI ORGANISASI

Kapasiti organisasi akan diperkukuhkan agar dapat melaksanakan bidang focus baru kearah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksibel seperti kerja berpasukan, matriks dan berasaskan perancangan

2) PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Tumpuan akan diberi kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang bersesuaian dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Ini termasuk perancangan strategik, proses perekayasaan (*reengineering*), metodologi penyelidikan, perancangan dan pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan prestasi.

3) RANGKAIAN KERJASAMA

Memantapkan kerjasama dengan Jabatan/agensi di peringkat Negeri dan Persekutuan, Badan Bukan Kerajaan, Pertubuhan dan Pelanggan-pelanggan utama jabatan seperti penternak dan pedagang ternakan.

Bab 3 - Halatuju Strategik

3.7) ELEMEN PENENTU KEJAYAAN STRATEGIK

4) PENGURUSAN ILMU

Ilmu pengetahuan dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan dikongsi dan ditambah nilai melalui latihan berkala dan berterusan berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat bagi melahirkan modal insan berilmu dan berketerampilan.

5) KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK

Kajian Semula Pelan Startegik akan dijalankan pada tahun 2023 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian semula tersebut akan akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik DVS Selangor.

Bab 3 – Hala Tuju Strategik

3.8) MEKANISMA PELAKSANAAN

Mekanisma pelaksanaan ini menerangkan struktur dan mekanisma yang akan digunakan untuk memastikan pelan strategik berjalan seperti mana dirancang.

Mekanisma ini digunapakai di DVS Selangor bagi memastikan setiap bahagian dan daerah memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjayakan pelan Strategik yang dirancang.

Strategik dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti jadual A. Penilaian pencapaian pelan strategik ini akan dijalankan pada setiap dua tahun.

Selain itu, Satu kajian semula Pelan strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2023. Ini bagi menilai keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, program dan tahap pencapaian sasaran prestasi yang ditetapkan, Kajian tersebut akan mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik.

Jadual A

Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik

Bil	Perkara	Tarikh
1	Mesyuarat JK Teknikal Perlaksanaan Projek Pembangunan	6 kali setahun
2	Laporan pencapaian Pelan Strategik	Setiap tahun
3	Penilaian keberkesanan dan kajian semula Pelan Strategik	2023

Bab 3 – Hala Tuju Strategik

3.8) MEKANISMA PELAKSANAAN

Dalam pada itu, bagi memantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan pelan strategik ini berjalan dengan berkesan, satu jawatankuasa khas diwujudkan . Jawatankauasa ini akan dinamakan jawatankuasa kegemilangan Strategik DVS Selangor. Keahlian Jawatankuasa adalah seperti jadual B di bawah.

Jadual B
Jawatankuasa Kegemilangan Strategik DVS Selangor

JAWATAN	KEAHLIAN
Pengerusi	Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
Setiausaha	Ketua Seksyen Perancangan Dasar dan Strategi
Ahli-Ahli	Semua Ketua Bahagian, Ketua Seksyen, Pegawai Projek , Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah

Bab 3—Hala Tuju Strategik

3.9) ARAH MASA DEPAN (*The Way Forward*)

Peranan DVS Selangor dijangka akan lebih menyerlah dalam aspek perkhidmatan pengurusan dan pembangunan industri haiwan yang profesional dan strategik. Ini akan dapat dicapai selepas 5 tahun Perancangan Strategik ini dilaksanakan yang berakhir pada 2025.

Memandangkan program dan aktiviti pengurusan dan pembangunan industri haiwan adalah agenda berterusan jabatan, maka perancangan 5 tahun adalah satu tempoh yang singkat untuk mengukur pencapaian secara holistik. Perancangan ini perlu diteruskan lagi bagi membangun dan memantapkan lagi transformasi pengurusan dan pembangunan industri haiwan DVS Selangor berdasarkan kepada keperluan semasa.

Selepas tahun 2025, DVS Selangor mempunyai gagasan dan wawasan untuk mencapai tahap seperti berikut :

- a) **Menjadi pihak Berkuasa Veterinar Negeri yang terunggul di Malaysia dalam pengurusan dan pembangunan industri haiwan**
- b) **Pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan berkesan serta dijadikan penandaras dan pusat rujukan di peringkat nasional**
- c) **Memperkasakan pengurusan hasil selain memaju, menggalak dan menyelaraskan aktiviti ekonomi dan perniagaan berasaskan industri haiwan**
- d) **Memantapkan Pelaksanaan Amalan Penternakan yang Baik (myGAP) dan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) dalam rangkaian industri haiwan.**
- e) **Dapat menyediakan perkhidmatan teras dan sokongan secara atas talian.**

BAB 4 - PENUTUP



**“VETERINAR KOMPETEN
MASYARAKAT SEJAHTERA”**

Bab 4 - PENUTUP

PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Negara. Ini bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat yang terdiri dari pengguna dan pelanggan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik DVS Selangor telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisma penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, telus dan cekap.

Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalaman jabatan bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan.

Disamping itu, usaha untuk mempertingkatkan tadbir urus yang cekap dan berkesan akan diteruskan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan memastikan pelaksanaan dasar yang berkesan bersesuaian dengan moto jabatan ia itu " Veterinar Kompeten Masyarakat Sejahtera".

PELAN STRATEGIK

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

NEGERI SELANGOR

2021-2025



**“VETERINAR KOMPETEN
MASYARAKAT SEJAHTERA”**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
Lot 2, Jalan Uatas 15/7, Seksyen 15,
40630 Shah Alam Selangor
www.dvssel.gov.my